



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SEMBILAN USAHAWAN TEKNOLOGI TEMPATAN DIIKTIRAF SEMPENA MCY SUMMIT 2021

KUALA LUMPUR, 10 MAC 2022 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba hari ini melancarkan Sidang Kemuncak Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY Summit) 2021.

Pada sidang kemuncak ini, YB Dato' Sri Dr. Adham mengumumkan bahawa 434 produk, teknologi dan perkhidmatan MCY telah berjaya dikomersialkan sepanjang tahun 2016 hingga 2021 ke pasaran tempatan dan antarabangsa dengan nilai jualan melebihi RM476 juta.

Pada tahun 2021 sahaja, sebanyak 200 produk, teknologi serta perkhidmatan daripada pelbagai agensi dinilai dalam 3 siri *Bengkel Due Diligence* MCY. Hasilnya, 48 produk, teknologi serta perkhidmatan telah tersenarai sebagai KPI Khas MCY 2021 dan telah mencatat nilai jualan sebanyak RM73.7 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 6 produk berjaya menembusi pasaran global dengan jumlah nilai pengkomersialan melebihi RM26 juta.

Sembilan (9) penyelidik dan usahawan tempatan yang telah berjaya mengkomersialkan produk hasil R&D mereka di pasaran tempatan dan antarabangsa sepanjang tahun 2021 diiktiraf menerusi Anugerah MCY. Nilai keseluruhan hadiah yang ditawarkan bernilai RM950,000.00 berserta trofi dan sijil pengiktirafan.

Bagi merakamkan momen pelaksanaan inisiatif dan program program MCY sepanjang tahun 2016 hingga 2020 dan Buku *Coffee Table* program Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH) turut dilancarkan pada sidang kemuncak ini.

PUSH adalah program rintis kerajaan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan B40 melalui pemerkasaan Perusahaan Sosial. Secara keseluruhannya, nilai impak yang telah dihasilkan melalui program ini berjumlah RM8.07 juta termasuk penjimatan kos kepada kerajaan. Program PUSH telah membuktikan bahawa perusahaan sosial mampu mencipta impak positif untuk meningkatkan kualiti kehidupan golongan B40.

Untuk rekod, sejumlah RM907 juta peruntukan diluluskan menerusi Belanjawan 2022 kepada MOSTI di mana RM520 juta adalah untuk belanja mengurus, dan RM387 juta lagi diperuntukkan untuk aktiviti pembangunan.

Sejajar dengan 3 bidang fokus Belanjawan 2022, iaitu 3R: *Recovery*, *Resilience* dan *Reform*, MOSTI memfokuskan kepada 3 perkara utama iaitu RM128 juta bagi mempergiatkan aktiviti R&D; RM30 juta bagi pelaksanaan Hab Inovasi: Revolusi Industri Keempat di bawah MRANTI; dan RM20 juta untuk strategi *MyStartup* di bawah Cradle bagi memulih dan membina daya tahan syarikat-syarikat pemula.

MCY 3.0 2020-2025 memfokuskan kepada peningkatan kadar pengkomersialan di pasaran tempatan dan global di bawah inisiatif MCY Goes Global. MOSTI menetapkan sasaran untuk mengkomersialkan sebanyak 500 lagi produk, teknologi serta perkhidmatan hasil R&D tempatan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 60 produk, teknologi dan perkhidmatan disasarkan untuk menembusi pasaran antarabangsa.

MCY Summit 2021 turut melibatkan pemeteraian 6 Memorandum Persefahaman (MoA) dan 7 Memorandum Persefahaman (MoU) yang melibatkan 22 organisasi kerajaan dan swasta dengan nilai RM107 juta.

MCY Summit 2021 diadakan selama dua hari bermula 10 hingga 11 Mac 2021 secara hibrid di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC).

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)
10 MAC 2022

SENARAI PENERIMA ANUGERAH MCY 2021

1. ANUGERAH ANUGERAH INOVATOR BAHARU

Pemenang Utama : TechCapital Resources Sdn. Bhd.
 Produk : T-Robot Industrial Linear Robot.
 Hadiah : Wang tunai RM130,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

Pemenang Saguhati : Twistcode Technologies Sdn. Bhd.
 Produk : Accelerated Device Always Massive (A.D.A.M)
 Supercomputer
 Hadiah : Wang tunai RM50,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

2. ANUGERAH PENCAPAIAN PENGKOMERSIALAN

Pemenang Utama : Medical Innovation Ventures Sdn. Bhd.
 Produk : GenoAmp®
(Commercialisation Of Medical Diagnostic Products For Infectious Diseases)
 Hadiah : Wang tunai RM130,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

Pemenang Saguhati : Skyscraper Airhydro Industries Sdn Bhd.
 Produk : *Airhydro Watering System (AWS)*
 Hadiah : Wang tunai RM50,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

3. ANUGERAH USAHAWAN PENYELIDIK

Pemenang Utama : Agensi Nuklear Malaysia (NUKLEAR)
 Produk : *Malaysia New Rice Variety NMR152 (IS21)*
 Hadiah : Wang tunai RM130,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

Pemenang Saguhati : Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
 Produk : *Jackfruit Meat Burger Patty (Burger Nanka)*
 Hadiah : Wang tunai RM50,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

4. ANUGERAH USAHASAMA PENYELIDIKAN DAN PERNIAGAAN

Pemenang Utama : One Team Networks Sdn. Bhd.
 Produk : *Aedestech Mosquito Home System (AMHS)*
 Hadiah : Wang tunai RM130,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

Pemenang Saguhati : TIADA
 Produk : TIADA
 Hadiah : TIADA

5. ANUGERAH USAHAWAN SOSIAL

Pemenang Utama : Pandai Education Sdn. Bhd.
Produk : Pandai
Hadiah : Wang tunai RM130,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

Pemenang Saguhati : Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Produk : *eBraille Al-Quran with Teaching and Learning System for the Blind*
Hadiah : Wang tunai RM50,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan

6. ANUGERAH KESELURUHAN (SUPREME AWARD)

Pemenang: Agensi Nuklear Malaysia (NUKLEAR)
Produk: Malaysia *New Rice Variety* NMR152 (IS21)
Hadiah: Wang tunai RM100,000.00, trofi dan sijil pengiktirafan